



Ruj. Kami : KPM.800-1/1/1 Jld.3 (76)
Tarikh : 21 Disember 2020

**Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**TARIKH BAHARU PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH
KHUSUS (PKSK) KHAS TINGKATAN 1 DAN PKSK TINGKATAN 4 TAHUN 2020**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2020 bertarikh 1 September 2020 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) yang telah ditangguhkan sebelum ini akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang melibatkan seluruh negara telah dijadualkan semula pelaksanaannya pada ketetapan seperti berikut :

PERKARA	TARIKH
PKSK Khas Tingkatan 1	20 Januari 2021 – 29 Januari 2021
PKSK Tingkatan 4	15 Februari 2021 – 25 Februari 2021
Semakan Pusat PKSK Tingkatan 1 dan Tingkatan 4	Bermula 8 Januari 2021
Alamat URL Semakan Tingkatan 1	https://spskt1.moe.gov.my
Alamat URL Semakan Tingkatan 4	https://spskt4.moe.gov.my

3. Oleh yang demikian, semua calon PKSK Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang **belum** menduduki pentaksiran ini dimohon untuk membuat semakan semula pusat PKSK seperti ketetapan yang dinyatakan dan **membuat cetakan slip menduduki PKSK serta mematuhi ketetapan tarikh, masa, sesi dan tempat pentaksiran yang telah ditetapkan.**

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan dimohon untuk mengambil maklum tentang tarikh baharu pelaksanaan pentaksiran tersebut serta memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar di bawah kawalan YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan.

5. Sebarang masalah berkaitan dengan perkara di atas YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan boleh berhubung dengan nombor- nombor berkaitan untuk maklumat lanjut.

i) Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh – 03 - 8321 7400

ii) Bahagian Pendidikan Islam – 03 – 8321 7200

iii) Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional – 03 – 8884 5154

iv) Maktab Tentera Diraja – 03 – 8946 5562

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATU HAJI ADZMAN BIN TALIB)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Sektor Operasi Sekolah

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
-